KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

چانغ
CANANG

MEI 2019

“Beta adalah menyedari, terdapat bermacam-macam persoalan dan salah-tanggapan berikutan dengan perlaksanaan undang-undang berkenaan. Untuk itu, kita telah memberikan penjelasan mengenainya. Kita juga sedia menyedari, salah-tanggapan memang boleh saja menimbulkan pelbagai kegusaran. Namun kita juga yakin apabila salah-tanggapan itu bertukar jadi kefahaman yang betul maka apa yang mulanya dianggap buruk, baru akan nampak pula kebaikkannya.

Siapapun tidak perlu risau terhadap undang-undang jenayah Syariah, kerana ia adalah undang-undang yang penuh rahmat, yang datang daripada Pemilik dan Pengurnia rahmat. Adalah mustahil bagi Pemilik dan Pengurnia rahmat (Allah) menyuruh kita untuk memakai undang-undang bagi menzalimi manusia, sedangkan undang-undang yang disuruh itu adalah undang-undang-Nya sendiri.”

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
MENYAMBUT BULAN RAMADHAN
1440 HIJRIAH / 2019 MASIHI

Tuan Yang Terutama Awang Haji Shahbudin bin Haji Musa (Jepun),
Tuan Yang Terutama Awang Haji Mahadi bin Haji Maidin (Kerajaan Hasyimiah Jordan),
Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Nooriyah binti Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yussof (Republik Korea), dan
Tuan Yang Terutama Awang Haji Haris bin Othman (Republik Rakyat Bangladesh).

SIDANG MEDIA SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN KALI KE-7, 2019

Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Mei - Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil mempengerusikan Sidang Media Sambutan HKK2019. Turut hadir oleh wakil Setiausaha-setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK2019, iaitu Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; dan Pemangku Pengarah Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Azlan bin Haji Jaludin.

Sidang diselajurkan dengan penyerahan poster HKK2019 oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan dan Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), kepada Setiausaha Tetap KKBS yang kemudiannya menyerahkan poster-poster berkenaan kepada wakil-wakil di setiap kementerian. Sambutan HKK2019 diselenggarakan bersama oleh KHEU, Kementerian Kesihatan, KHEDN dan KKBS dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, badan-badan korporat dan organisasi bukan kerajaan termasuk peringkat akar umbi

Keluargaku Harapanku ***#HKKNBD2019***

The annual observance of the International Day of Families reflects the importance the international community attaches to families and their role in development. Recent commemorations of the Day focused on the role of families for the achievement of SDGs 1 – 5 and SDG 16.

The 2019 observance focuses on families, family policies and major SDG13 targets:

SDG 13 target 13.3: Improve education, awareness-raising and human and institutional capacity on climate change mitigation, adaptation, impact reduction and early warning

SDG 13 target 13.2: integrate climate change measures into national policies, strategies

https://www.un.org/development/desa/family/2019/02/28/idf-2/

INTERNATIONAL DAY OF FAMILIES
15 MAY 2019

Dewan Teater PM Dato Shariffuddin Bangunan Arkib Negara, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Mei - Pertandingan Mari Bercerita 2019 mempersembahkan tema cerita-cerita berunsur Islam sempena pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019. Pertandingan ini merupakan projek tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dikhususkan untuk murid-murid sekolah rendah kerajaan atau bukan kerajaan sekolah-sekolah ugama di keempat-empat daerah yang berumur di antara 8 hingga 12 tahun sebagai wahana latihan kepada kanak-kanak supaya berani tampil dan bercakap di khalayak ramai. Selain itu, ia juga bertujuan mengasuh bakat dan daya kreativiti mereka mengolahkan gaya penceritaan agar dapat menjadi teladan dan inspirasi kepada pendengar.

Kategori Bahasa Melayu, Juara - Awang Muhammad Danial Adrianshah, Sekolah Rendah Selangan, Naib juara - Awang Muhammad Nur Hafizan bin Saban dari Sekolah Mahad Islam Brunei tempat ketiga - Awangku Mohd. Amirul Hafizhullah bin Pengiran Haji Jaya Shahbani dari Sekolah Saint Andrew's.

Kategori Bahasa Inggeris, Juara - Ashville Ariel Petrus dari Sekolah Saint Andrew's, Naib juara - Nur Aiman Sofea binti Eddie Suffedy dari Sekolah Rendah Dato Basir dan Ketiga - Awang Luqman Haqeem bin Haji Umardani, Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar.

PERTANDINGAN MARI BERCERITA

PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN

Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Mei - Pelancaran SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim SMS merupakan sebuah projek yang diungkayahkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Radio Televisyen Brunei, DST Communications Sendirian Berhad (DST) dan Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) sebagai satu usaha memudahkan orang ramai menyumbang kepada Tabung Anak-Anak Yatim. Bermula pada tahun 2005, projek ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan semua kutipan yang diterima daripada orang ramai akan disumbangkan kepada Tabung Anak-Anak Yatim di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Kempen kutipan bagi tahun 1440/2019 akan berakhir pada 10 Jun 2019.

KUNJUNGAN HORMAT TUAN YANG TERUTAMA DR. MOHAMED GHASSAN MOHAMED ADNAN SHAIKHO

DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK KINGDOM OF BAHRAIN

02.05.2019

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2019

Masjid Rancangan Perumahan Negara
Kampung Pandan, Daerah Belait

Bandar Seri Begawan, Khamis, 2 Mei - Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Kali Ke-8 bagi Tahun 2019 diadakan secara serentak di masjid tumpuan utama, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Atur cara diisikan dengan solat fardu Maghrib dan Isyak berjemaah, membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

Daerah Belait -
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi
Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2019.

Daerah Brunei dan Muara -
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku Timbalan Pengerusi
Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2019

Daerah Tutong -
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Awang Salminan bin Haji Burut selaku Setiausaha Bersama
Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2019.

Daerah Temburong -
Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Yang Mulia Awang Haji Abdul Manap bin Othman selaku Setiausaha Bersama
Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2019.

Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,
Kampung Jerudong , Daerah Brunei dan Muara

Masjid Hassanal Bolkiah,
Pekan Tutong, Daerah Tutong

Mohd. Sahrizal@infofoto

Ak. Syi'aruddin @infofoto

Masjid Rancangan Perumahan Negara
Kampung Rataie, Daerah Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei - Negara Brunei Darussalam mencatatkan sebanyak 16 kelahiran anak damit sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2019, di mana sembilan daripadanya merupakan anak damit lelaki manakala tujuh anak damit perempuan. Seramai 10 orang anak damit, lima lelaki dan lima perempuan dilahirkan di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, (RIPAS), Daerah Brunei Muara; seorang anak damit lelaki di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Daerah Tutong dan seramai lima anak damit, iaitu tiga orang anak damit lelaki dan dua orang anak damit perempuan di Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait.

Kelahiran-kelahiran ini telah diraikan dengan majlis pemberian cenderamata kelahiran 'Anakku Kesayanganku' melalui kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan.

'ANAKKU KESAYANGANKU'

SMS BRUNEI PRIHATIN BAGI TAHUN 1439/ 2018

Pejabat Menteri, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei - Kempen kutipan sumbangan melalui SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi telah berjaya mengumpul dana sejumlah BND138,026.00.

Sejumlah BND109,063.00 (Ringgit: Seratus Sembilan Ribu Enam Puluh Tiga Ringgit Sahaja) dana hasil kutipan daripada pelanggan DST Sdn. Bhd. dan sebanyak BND20,000.00 (Dua Puluh Ribu Ringgit Sahaja) hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan DST Sdn. Bhd., telah diserahkan oleh selaku wakil Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DST Sdn. Bhd., Awang Amer Iskandar bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, manakala Progresif Cellular Sdn. Bhd., berjaya mengutip sejumlah BND8,963.00 (Ringgit: Lapan Ribu Sembilan Ratus Enam Puluh Tiga Sahaja) hasil kutipan daripada pelanggan Progresif Cellular Sdn. Bhd. yang diserahkan oleh Pengurus Perhubungan Kerajaan Progresif Cellular Sdn. Bhd. Dayang Hajah Normah binti Ahmad.

MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI TAHUN 1440 HIJRAH / 2019 MASIHI

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei - Seramai 2,986 orang anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara (DBM) menerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi. Derma yang dihulurkan merupakan hasil kutipan melalui Kempen Kutipan Sumbangan melalui SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim.

Sumbangan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Nurhayana Janis binti Abdullah Lim; Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Mubashar Khokhar; Timbalan Pengarah Urusan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman; dan Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim. Manakala bagi anak-anak yatim di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong diwakili oleh Pegawai Daerah masing-masing dan akan disampaikan dalam satu majlis penyerahan derma di daerah masing-masing.

Pada majlis tersebut juga, seramai 13 orang pelajar cemerlang daripada peringkat Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan Brunei - Cambridge GCE 'O' Level pada Tahun 2018 menerima Skim Hadiah Galakan Pelajar Cemerlang BIBD untuk Anak-anak Yatim, disampaikan oleh Pengarah Urusan BIBD.

MAJLIS BERTAHLIL DAN DOA ARWAH SEKAMPUNG DAN PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM

Masjid Kampung Kapok, MUARA, Ahad, 12 Mei - Yatim Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Kapok dan Takmir Masjid Kapok mengadakan Majlis Bertahlil dan Doa Arwah Sekampung dan Penyampaian Derma bagi 12 orang anak-anak yatim disekitar kampung berkenaan. Majlis diselajurkankan dengan acara berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Sumbangan derma tersebut antara lain bertujuan menyantuni dan menggembirakan anak-anak yatim untuk membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan keperluan perbelanjaan persekolahan.

KEMBARA RAMADAN 1440/2019



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Mei - Acara kemuncak Majlis tedarus belia di akhiri dengan Majlis Perhimpunan Tadarus Al-Quran Belia Senegara disertai oleh lebih 2,000 belia dan beliawanis pada yang berlangsung secara berasingan di dua masjid utama, iaitu Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (lebih 1,200 belia lelaki) dan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (lebih 1,000 beliawanis).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat memeriahkan majlis di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Program Kembara Amal Ramadan secara serentak di tiga daerah, iaitu Daerah Temburong, Daerah Belait dan Daerah Tutong telah dijalankan pada 13 Mei 2019. Program Kembara Ramadan ini merupakan aktiviti keagamaan dan kesukarelawanan yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan, khususnya jaringan-jaringan kebeliaan dan kemasyarakatan, bagi menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia.

Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Temburong, Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Tutong, dan Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait

PERSIDANGAN DAN DIALOG KETAMADUNAN ASIA,
BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA
15.05.2019

MESYUARAT MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN KE-21 (ASCC)
CHIANG MAI, THAILAND
17.05.2019

MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN MANGSA KEBAKARAN KEDIAMAN DI RPN KAMPONG MENGKUBAU (12 APRIL 2019)
DAYANG NORLELA BINTI HAJI MAJENIS,
18.05.2019

https://icom.museum/en/news/international-museum-day-2019-presidents-message/

"This year, the topic proposed by ICOM is
"**Museums as Cultural Hubs: The Future of Tradition**".
The topic is in itself a statement on the important role museums have come to play in the future of our societies. They give meaning to our past, and they make it meaningful today – a solid path upon which we can build our future. As a result, while preserving their core missions, such as collecting and exhibiting, museums have come to realise that they can be agents of social change. Today, they are more aware of this than ever before."

Suay Aksoy, ICOM President

Masjid Kampung Pelambayan, KOTA BATU, Sabtu, 18 Mei - Seramai enam warga Jabatan Muzium-Muzium dikurniakan Anugerah Pekerja Contoh sempena Hari Muzium Antarabangsa 2019. Penerima-penerima terdiri daripada Pegawai Penyelidik Kanan, Bahagian Perolehan, Dayang Nora binti Haji Kadir; Pegawai Pemeliharaan, Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan, Awang Haji Azly bin Haji Tuah; Pembantu Arkib Tingkat I, Bahagian Arkib Negara Brunei Darussalam, Awang Mohd. Norizal bin Roseli; Penolong Penyelidik, Bahagian Etnografi, Awang Puasa bin Kamis; Pengawas Kecil, Bahagian Penyelenggaraan Estet, Awang Moksin bin Amit; dan Atendan Dewan, Bahagian Galeri Seni, Dayang Hajah Jalia binti Haji Ahmad.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian plak dan sijil kepada 12 warga jabatan yang bersara mulai Jun 2017 hingga Mac 2019. Majlis turut diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan tazkirah bertajuk Kerja itu Ibadah, disampaikan oleh Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Awang Nazirul Mubin bin Ahad. Sambutan tahun ini bertemakan 'Museums as Cultural Hubs : The Future of Tradition' (Muzium sebagai Pusat Budaya : Tradisi Masa Hadapan).

Dewan Darul Ifrah, Pusat Bahagia, BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mei - Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (BERSATU) mengadakan Majlis Iftar Bahagia bersama anak-anak istimewa.

Aturcara diisikankan dengan majlis Tahlil dan Doa Selamat, penyampaian 'goody bags' dan derma hasil kutipan daripada Ahli-ahli BERSATU kepada 80 murid dan pelatih, acara berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Mei - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah Lim hadir menyantuni kira-kira 120 orang pelatih-pelatih dan murid-murid Pusat Bahagia Brunei Muara dalam Majlis Bersungkai . Aturcara diisikankan dengan majlis Tahlil dan Doa Selamat, penyampaian derma, acara berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sampul Hari Raya Aidilfitri sumbangan dari Tabung Orang-Orang Cacat (TOOC) yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga penyampaian sumbangan derma daripada Pengerusi Syarikat Borneo United Enterprise Sendirian Berhad dan wakil dari Syarikat Dee Jay Sendirian Berhad.

World Day for Cultural Diversity for Dialogue and Development

The year 2019 has been declared the International Year of Indigenous Languages by the General Assembly of the United Nations, an initiative to bring awareness to the importance of linguistic diversity. There are over 7,000 languages spoken across the world, the majority of which are spoken by indigenous people. Each language is a treasure of knowledge and memory, a unique point of view, and a resource in the face of global challenges. For how can we hope to solve the issues of climate change, education for all, or assist communities recovering from periods of conflict without the participation of the world in all of its diversity?

Audrey Azoulay, Director-General of UNESCO, on the occasion of World Day for Cultural Diversity for Dialogue and Development

Dewan Riadah, Pusat Belia, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei - Jualan Kuih Muih Belia kali ke-16 yang disertai oleh bekas pelajar-pelajar Akademi Masakan Belia; Belia Berniaga; Majlis Wanita Brunei (WI); Jabatan Penjara; Pusat Da'wah Islamiah; dan Alumni Program-Program Anjuran Jabatan Belia dan Sukan, memeriahkan lagi persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini. Biro Keusahawanan, Kelab Komuniti Belia Transformasi (KBBT) untuk kali keduanya diamanahkan untuk menguruskan aktiviti ini yang bertujuan bagi menggalakkan belia-belia terus berusaha dalam meningkatkan kemahiran keusahawanan dan mengambil peluang menjana ekonomi.

PENGANUGERAHAN PROGRAM BIBDSEED KOHORT 2

Pusat Pembangunan Belia (PPB), TANAH JAMBU, Jumaat, 24 Mei - Seramai 10 peserta menerima Penganugerahan Program BIBDSEED Kohort 2 setelah dinilai oleh juri yang mewakili Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); Pusat Da'wah Islamiah; Jabatan Pembangunan Masyarakat dan BIBD, berdasarkan beberapa kriteria tertentu dalam penilaian terakhir semasa program bootcamp BIBDSEED yang telah berlangsung pada 17 hingga 22 Mei 2019 yang lalu.

BIBD Special Underprivileged Mothers Empowerment Entrepreneurship Development atau BIBDSEED, merupakan platform untuk merubah kehidupan golongan sasaran yang terdiri daripada ibu yang tidak berkemampuan menjadi usahawan berjaya yang mampu berdaya tahan dan bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pada majlis tersebut, pihak BIBD dan PPB juga telah menandatangani perjanjian Kerjasama Pintar Program Ke Arah Memperkasa Keupayaan dan Kecemerlangan, yang bertujuan untuk membangunkan usaha kolaboratif bagi pelbagai inisiatif, termasuk pembangunan pengurusan perniagaan dan peningkatan kemahiran kursus untuk pelajar PPB pada masa akan datang.

Galeri Seni Dermaga Diraja BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Mei - Sebanyak 91 buah lukisan yang dihasilkan oleh 12 pelatih dari Orang Kelainan Upaya (OKU) Pusat Bahagia Brunei Muara; Pusat Bahagia Eric Goh, Kuala Belait; Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; dan La Vida Berhad dipamerkan pada Pameran 'Enabling' Lukisan Pelatih-pelatih Kelainan Upaya Pusat Bahagia.

Pameran selama 11 hari bermula 24 Mei hingga 3 Jun 2019 bertujuan untuk mendedahkan akan keupayaan dan penghasilan kreatif para pelatih OKU Pusat Bahagia kepada masyarakat bagi tujuan peningkatan kesedaran dan tanggung-jawab sosial secara inklusif dalam sama-sama memberi sokongan dan dorongan terhadap golongan istemewa ini untuk mendiri dalam urusan seharian mereka.

MEMPERKASA PEMBACAAN AL-QURAAN

Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei -

Majlis Khatam Al-Quran dan Sambutan Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1440 Hijrah bagi KKBS diserikan dengan tazkirah "Memperkasa Pembacaan Al-Quran" disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman antara lain menyentuh tentang kemanisan dan keindahan bagi orang-orang yang sentiasa mengamal-kan juga membudayakan pembacaan Al-Quran sebagai sumber dan hidayat dalam kehidupan.

Beliau juga menyentuh mengenai usaha-usaha yang diambil oleh pelbagai agensi di negara ini dalam menanam kesedaran, minat dan kemahiran membaca Al-Quran dari akar umbi juga seluruh peringkat umur ke arah masyarakat yang celik Al-Quran.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian derma kepada 29 anak yatim warga KKBS yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

PROJEK KASIH RAMADAN PPB

Dewan Binadiri, Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, MUARA, Ahad, 26 Mei - Perasaan kasih para pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) kepada golongan-golongan sasaran, khususnya di bulan Ramadan ini telah diterjemahkan dengan menggunakan kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dalam satu projek amal, iaitu Projek Kasih Ramadan.

'Projek Kasih Ramadan PPB' buat pertama kalinya diadakan tahun ini dengan sokongan daripada rakan-rakan strategik PPB dalam menyediakan juadah berbuka puasa untuk tetamu-tetamu khas yang terdiri dari daripada kalangan anak-anak yatim warga PPB, warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), dan anak-anak yatim dari Perumahan Kampung Panchor Mangkubau menerima sumbangan berupa 'Nasi Kasih PPB' dan 'Mini Hamper Kasih PPB' yang merupakan hasil produk PPB sendiri melalui kerja bergotong royong warga dan pelatih-pelatih pusat berkenaan.

Projek tersebut dihasratkan untuk mendedahkan para pelatih PPB dengan kerja-kerja kemasyarakatan, terutamanya di dalam bulan Ramadan sebagai satu kaedah untuk menggunakan kemahiran masing-masing dalam sama-sama melaksanakan aktiviti-aktiviti amal. Di samping itu, projek ini juga diharap dapat mengeratkan lagi silaturahim warga PPB dengan rakan-rakan strategik pusat berkenaan yang ikut serta dalam menjayakan projek ini.

Selain melibatkan para pelatih berkemahiran memasak dan menyediakan pastri, aktiviti amal tersebut akan diteruskan sebagai satu kaedah 'social provider' yang berbentuk kemahiran, di mana PPB akan menggunakan kemahiran-kemahiran yang lain sebagai satu produk untuk disumbangkan kepada golongan sasaran di masa akan datang.

Projek tersebut merupakan sebahagian daripada latihan praktikal para pelatih PPB dalam menimba pengalaman sebelum memijak ke alam pekerjaan yang sebenar.

SIDANG MEDIA

KONGRES BELIA KEBANGSAAN 2019

Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Mei - Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said mempengerusikan Sidang Media Kongres Belia Kebangsaan 2019 .

Kongres Belia Kebangsaan 2019 (KBB 2019) yang bertemakan 'Bersama Mencorakkan Masa Hadapan Kita' akan dijalankan selama dua hari bermula 16 hingga 17 Jun 2019 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakasa, mmnumpukan kepada tiga tajuk utama. Ketiga-tiga perkara tersebut iaitu 'Belia Siaga Masa Depan' (Future Ready Youth); 'Penglibatan Belia' (Youth Participation); dan 'Keusahawanan' (Entrepreneurship) akan dijadikan sebagai topik-topik perbincangan utama dalam forum dan bengkel semasa berlangsungnya kongres.

Kongres ini dihasrat sebagai wahana bagi para belia untuk berinteraksi menyuarakan pendapat dan pandangan yang membina terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan, untuk diselaraskan dengan dasar-dasar yang sedia ada bagi kemajuan dan pembangunan belia bagi menghasilkan resolusi-resolusi yang memenuhi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kongres tahun ini merupakan pengendalian kali kedua sejak pertama kali diadakan pada tahun 2008 yang dianjurkan dengan kerjasama KKBS dengan rakan-rakan strategik dari Majlis Belia Brunei; Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB); Gild Siswazah Universiti Brunei Darussalam; Generasi Bekarih dan Syarikat Pengurusan Al Huffaz.

Majlis Khatam Al-Quran dan Penutup Tadarus Al-Quran Ramadan bagi Pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia

Surau Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, MUARA, Jumaat, 31 Mei - Seramai 80 orang pelatih Program Pembangunan Belia (PPB) dan Sukan diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran dan Penutup Tadarus Al-Quran Ramadan bagi Pelatih-pelatih PPB Sesi Januari 2019 bersama para pegawai dan kakitangan PPB.

Majlis merupakan aktiviti tahunan bagi Unit Program Pembangunan Diri PPB dan sebagai salah satu kegiatan keagamaan di sepanjang bulan Ramadan 1440H.

IHYA RAMADAN KKBS

TAHLIL, SIRI TADARUS/KHATAM AL-QURAN DAN INFAQ/WAQAF

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil
Kubah Makam Diraja, 11.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Masjid Kampong Pulaie, 11.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Masjid Kampong Pulaie, 11.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Masjid Kampong Kapok, 27.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah,
Kampong Sungai Akar, 22.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah,
Kampong Sungai Akar, 22.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Masjid Kampong Kapok, 27.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Kampung Belimbing, Jalan Subok 29.05.2019

Siri Tadarus Al-Quran KKBS
Kampung Belimbing, Jalan Subok 29.05.2019

Kekukuhan dan kesejahteraan keluarga harapan bersama - *Petikan Khutbah Jumaat 27 Sya'ban 1440/ 3 Mei 2019.*

Surah Lukman ayat 31:

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Lukman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi pengajaran kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah (Dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."

Ketahuilah, keluarga yang tidak dibentuk berlandaskan ajaran agama Islam boleh sahaja terdedah kepada berbagai-bagai masalah antaranya seperti penyalahgunaan dadah, penganiayaan, pergaulan bebas, sumbang mahram dan pelbagai lagi masalah sosial. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk terus berusaha sedaya upaya untuk membentuk sesebuah keluarga yang bahagia dan harmoni dengan berpandukan ajaran-ajaran agama Islam, antaranya:

Pertama: Menanamkan keimanan yang kukuh dan nilai-nilai Islam dalam Keluarga. Apabila kita sudah memiliki iman yang kukuh dan menanamkan perasaan cinta kepada Islam, maka dengan sendirinya ia akan menghasilkan sifat bertanggungjawab dalam diri dengan sering melakukan kebaikan dan sentiasa berwaspada supaya tidak terjerumus dengan perbuatan dosa dan maksiat.

Kedua: Memahami tanggungjawab dan amanah yang dipikul. Sebagai ibubapa atau penjaga, mereka berperanan membimbing dan mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni dengan menunjuk ajar dan memberikan contoh teladan yang baik.

Ketiga: Nasihat menasihati dan memberi sokongan secara bijaksana. Jika kita dapati anak-anak atau ahli keluarga kita melakukan kesalahan, maka nasihatilah dan bimbinglah mereka dengan penuh bijaksana dan kesabaran. Elakkan dari menjatuhkan semangat dan maruah mereka. Dengarlah keluhan dan pandangan mereka agar mereka berasa dihargai dan disayangi. Berikanlah sokongan dan dorongan agar mereka terus mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Keempat: Memupuk kasih sayang yang berpanjangan. Kita hendaklah menjaga dan mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan anggota keluarga dengan memastikan suasana hubungan kekeluargaan sentiasa ceria, mesra, saling hormat-menghormati dan sayang menyayangi sesama ahli keluarga.

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.